

**PENAMBAH BAIKAN FORMAT  
PENYEDIAAN PELAN BAGI  
PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG  
DAN  
PELAN MENDIRIKAN BANGUNAN (PELAN TAPAK)**

Disediakan Oleh

Bahagian Perancangan  
Majlis Daerah Marang  
*melalui*  
Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
kali ke 1/2017

# PENAMBAH BAIKAN FORMAT PENYEDIAAN PELAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN MENDIRIKAN BANGUNAN (PELAN TAPAK)

- 1) Berkuat kuasa pada **Februari 2017**, semua **permohonan baharu** bagi permohonan **kebenaran merancang (KM)** yang dikemukakan oleh PSP adalah **perlu disediakan** bersekali maklumat kontur semasa tapak (*spot level*) semasa di dalam penyediaan:-
  - a) **Pelan Susunatur / Pecahan Sempadan Lot**  
(Sek.137 / Sek. 125A / Sek. 204D KTN)
  - b) **Pelan Mendirikan Bangunan (PELAN TAPAK)**  
(semua jenis binaan bangunan / struktur).

**Pengecualian** (merujuk perkara (a) di atas):

- i. Permohonan bagi **Pecah Bahagian (Sek. 140 KTN)** dan **Cantuman (Sek. 146 KTN)** - dikecualikan ATAU tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Marang (*sekiranya ada keperluan*);
- ii. Permohonan **pecahan mudah** yang **tidak melebihi 4 unit** - dikecualikan DENGAN tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Marang.

- 2) **Kegagalan PSP penyediaan** maklumat tersebut akan **mempengaruhi keputusan** Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Marang untuk menentukan kelulusan terhadap permohonan kebenaran merancang / pelan bangunan.
- 3) **Pihak PSP** dinasihatkan untuk **mematuhi keperluan tersebut** bagi membantu pihak Majlis Daerah Marang untuk:
  - ✓ **mengawal** dan **menentukan perancangan keperluan kerja tanah** (aras tambakan@tambunan / potongan cerun / pengekalan bentuk topografi / buffer zone) yang sesuai dengan keadaan persekitaran tapak;
  - ✓ **mengelakkan bencana** (*banjir / tanah runtuh / saliran atau aliran air tersumbat @ terhalang / mendapan tanah dan lain-lain impak persekitaran*) akibat **kesan kerja tanah** daripada **pembangunan** yang akan dilaksanakan;
  - ✓ **mengenal pasti** (peringkat awal) **cadangan sistem saliran dan perparitan** (*water discharge*) yang sesuai dengan keadaan topografi tapak dan persekitarannya untuk sambungan ke sistem saliran / perparitan yang sediada berhampiran.

## **FORMAT PENYEDIAAN PELAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG / PELAN MENDIRIKAN BANGUNAN (PELAN TAPAK)**

- ❖ Pelan cadangan perlu disekalikan (*overlay*) dengan menyediakan maklumat kontur semasa tapak (*spot level*) termasuklah kawasan persekitaranyan (*lot-lot* yang bersempadan – bahagian Utara/Selatan/Timur/Barat) dengan jelas menunjukkan ciri-ciri fizikal tapak seperti badan air / binaan struktur / jalan sediada (sekiranya wujud) di tapak dan persekitarannya.


### **Makluman:**

“Pelan Cadangan” bermaksud :-

- ✓ Pelan Susunatur / Pecahan Sempadan Lot DAN;
- ✓ Pelan Mendirikan Bangunan (*PELAN TAPAK*) - semua jenis binaan bangunan / struktur).

- Peringkat penyediaan **PELAN PRE-COMP** atau **PELAN PRA-HITUNGAN**; maklumat kontur semasa tapak (*spot level*) dikecualikan DENGAN tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Marang.
-

A) **CONTOH Penyediaan Pelan Susunatur / Pecahan Sempadan Lot:**



B) **CONTOH Penyediaan Pelan Mendirikan Bangunan (PELAN TAPAK):**

